

BIL.

3

BERITA



EDISI KETIGA 2019

MEI - JUN

شَهْرَانِ 1440 هـ - شَهْرَانِ 1441 هـ

PASIR GUDANG

TERBITAN RASMI MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

PROGRAM BUBUR LAMBUK PERDANA PASIR GUDANG 2019



“ 10,000 MANGKUK BUBUR DIEDARKAN KEPADA ORANG AWAM ”

Menarik Di Dalam...

Majlis Serahan Sumbangan Ramadan Dari PUSPANITA Daerah Johor Bahru

Majlis Khatam Al-Quran MPPG

Majlis Berbuka Puasa Bersama Media Johor



Raya Fest 19

BERLANGSUNG MERIAH



PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



AJK SIDANG REDAKSI 2019

PENASIHAT

Tuan Haji Zainor bin Adani
Yang Dipertua MPPG

KETUA EDITOR

Encik Sulaiman bin Ismail
Setiausaha MPPG

PENOLONG KETUA EDITOR

Tuan Haji Ab. Jalil bin Ab. Rahman

PENGARANG

Encik Nik Masri bin Moharani

PEMBERITA

Encik Basar bin Kallil
Puan Nadztasha binti Mohd Puad

JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazli

KANDUNGAN

- 3 ▶ Program Bubur Lambuk Perdana Pasir Gudang 2019
- 4 ▶ Majlis Serahan Sumbangan Ramadan PUSPANITA Daerah Johor Bahru
- 5 ▶ *Raya Fest* 19 Berlangsung Meriah
- 6 ▶ Bazar Ramadan KPBPG Menawarkan Pelbagai Pilihan Menu Berbuka Puasa
- 7 ▶ Majlis Khatam Al-Quran MPPG Sempena Ramadan 1440H
- 8 ▶ Program Ziarah dan Sumbangan Ramadan 1440H
 - ▶ Majlis Berbuka Puasa Bersama Media Johor
- 9 ▶ Jamuan Raya KPBPG & UTC Pasir Gudang

Satu saja ungkapan yang dapat saya gambarkan iaitu syukur Alhamdulillah ke hadirat Allah SWT kerana berkat izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berjumpa lagi pada Edisi Ketiga Berita Pasir Gudang (BPG). Semoga kita semakin bersyukur dengan apa yang kita perolehi pada hari ini.

Kita telah memasuki suku kedua bagi tahun 2019. Dalam bulan Mei, kita telah menyambut Ramadan pada awal bulan dan mudah-mudahan ianya dapat memberikan iltizam untuk kita terus meningkatkan lagi ibadat dan terus komited terhadap tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Dalam bulan ini, MPPG telah menganjurkan program Bubur Lambuk Perdana 2019. Program tahunan anjuran MPPG dengan kerjasama agensi swasta dan jawatankuasa surau dan masjid ini begitu mendapat sambutan apabila hampir 20 buah syarikat swasta termasuk Yayasan Pasir Gudang sudi memberi tajaan dan sumbangan. Hampir 10,000 mangkuk bubur telah diedarkan kepada penduduk sekitar Pasir Gudang. Semoga kebaikan dan keikhlasan dalam menjalankan tanggungjawab ini, lebih-lebih lagi dalam bulan yang mulia ini diterima dan diberi keberkatan dari Allah SWT.

Seterusnya, pelbagai lagi program sumbangan dan berbuka puasa telah dianjurkan sepanjang bulan Ramadan yang lalu. Antaranya Majlis Serahan Sumbangan Ramadan dari Puspanita Daerah Johor Bahru, oleh Pegawai Daerah Johor Bahru, Tuan Hj. Ridha bin Dato' Hj Abd. Kadir, Program Ziarah dan Sumbangan Ramadan bersama NGO dan MPPG di Kampung Pasir Putih serta Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Sumbangan Aidilfitri Yayasan Pasir Gudang.

Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) MPPG juga tidak terkecuali dalam menjalankan aktiviti sumbangan. Antaranya, Program Sumbangan Bakul Kasih Ramadan. Program yang telah memasuki tahun kedua ini merupakan satu program kebajikan anjuran KSK MPPG dibawah Biro Pendidikan. Bagi Ramadan kali ini, sejumlah RM 4,200.00 berjaya dikumpulkan bagi pembelian 84 buah "Bakul Kasih Ramadan" Tahniah kepada pengurusan biro pendidikan yang berjaya mengekalkan program sumbangan seperti ini. Selain itu, Majlis Khatam Al-Quran sempena menyambut bulan Ramadan juga telah dianjurkan dibawah Biro Agama KSK MPPG. yang disertai oleh semua warga kerja MPPG.

MPPG sekali lagi telah dipilih sebagai rujukan dan contoh dalam Amalan Budaya Kerja Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Justeru, MPPG telah menerima lawatan EKSA dari Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) pada 21 Mei yang lalu. Seramai 40 warga kerja MBIP telah menyertai sesi lawatan ini. MPPG telah berkongsi ilmu dan pelaksanaan EKSA di MPPG sehingga kejayaan menerima pengiktirafan 22 sijil cemerlang EKSA dari pihak MAMPU. Saya mengharapkan semoga MPPG mampu mengekalkan prestasi dalam menjadi contoh yang terbaik bagi amalan budaya kerja EKSA dikalangan PBT khususnya di Negeri Johor ini.

MPPG juga telah menerima kunjungan dalam satu sesi penyampaian poster jurnal dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang telah diadakan pada 22 Mei yang lalu. Ia merupakan hasil kerjasama UPM dan MPPG melalui Unit Sarang Buaya, Jabatan Pembangunan Masyarakat Penerbitan jurnal ini merupakan kajian bersama yang berprestij tinggi yang bertajuk *Aquaculture, Science Direct, Elsevier* dan ia mula diterbitkan didalam talian mulai Januari 2018. Ini merupakan satu pencapaian yang unik kerana Unit Sarang Buaya MPPG kini merupakan sumber rujukan bagi kajian penyelidikan spesis buaya Tembaga di Malaysia.

Bulan Jun pula menyaksikan pelbagai sambutan Hari Raya Aidilfitri telah dianjurkan di Pasir Gudang. Antaranya Sambutan Hari Raya Aidilfitri Warga Kerja MPPG, Jabatan, Unit dan Bahagian masing-masing tidak ketinggalan menganjurkan rumah terbuka sepanjang bulan Syawal ini. Selain dari menjemput tetamu menjamu selera, sambutan Syawal ini dilihat dapat mengeratkan silaturahmi antara warga kerja disamping beramah mesra dan mengunjungi antara satu

Akhir sekali, saya dengan rasa kesyukuran ingin mengucapkan 'Selamat Menyambut Aidilfitri' kepada semua warga Pasir Gudang. Sentiasalah berwaspada dan berhati-hati dalam musim perayaan ini.

Sehingga kita berjumpa lagi dalam keluaran akan datang.

Haji Zainor bin Adani
Yang Dipertua MPPG

- 10 - 11 ▶ Lensa Bulanan
- 12 - 13 ▶ Warna-Warni Aidilfitri 2019/1440H Pasir Gudang
- 14 ▶ Lawatan Ke Taman Pertanian Negeri Johor
 - ▶ Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) MPPG kali Ke- 27 Sesi 2019/2020
- 15 ▶ Lawatan Akademik Bagi Subjek Rekabentuk Asas Senibina Landskap UTHM Johor
- 16 ▶ Biro Pendidikan Kelab Sukan & Kebajikan Anjur "Bakul Kasih Ramadan"
 - ▶ MPPG Terima Lawatan EKSA Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
- 17 ▶ Penyampaian Poster Jurnal Projek Bersama MPPG dan UPM
- 18 - 19 ▶ Lensa Yayasan Pasir Gudang
- 20 ▶ Info Terkini : Pertandingan Landskap Laman Indah 2019



Lawatan ke khemah peserta oleh Tuan Haji Abdul Halim bin Mohamad Dawan, Ahli Majlis Zon Nusa Damai dan kumpulan sukarelawan Mewaholeo Industries turut membantu aktiviti memasak.



Persiapan memasak oleh tukang masak yang mengambil bahagian

PROGRAM BUBUR LAMBUK PERDANA PASIR GUDANG 2019

10,000 MANGKUK BUBUR DIEDARKAN KEPADA ORANG AWAM



Simbolik penyerahan apron kepada peserta oleh Tuan Haji Abdul Halim bin Mohamad Dawan selaku Whip Parti dan Ahli Majlis Zon Nusa Damai



Pengagihan bubur lambuk kepada orang awam oleh YB Dato' Seri Hj. Che Zakaria Bin Mohd Salleh, ADUN Permas

Seorang tukang masak, En. Aznan bin Sanip dari COMBI Pasir Gudang berkata, ini merupakan kali pertama beliau terlibat dalam program memasak bubur lambuk seperti ini.

“Saya begitu teruja untuk menyediakan bahan memasak dan memastikan kualiti bubur yang dimasak sedap dan menyelerakan untuk diagihkan kepada orang awam.”

Antara agensi yang telah memberikan sumbangan ialah:

- i. Yayasan Pasir Gudang
- ii. Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ)
- iii. Meridin East Sdn. Bhd.
- iv. Altech Chemical Sdn. Bhd.
- v. Eco Tropics Development Sdn. Bhd.
- vi. Seri Alam Properties Sdn. Bhd.
- vii. Waqaf An-nur Corporation Berhad
- viii. NGC Energy Sdn. Bhd.
- ix. Prima Gas Sdn. Bhd.
- x. Faiza Marketing Sdn. Bhd.
- xi. Padiberas Nasional Berhad
- xii. Regency Specialist Hospital
- xiii. Zara Foodstuff Industries Sdn. Bhd.
- xiv. Koperasi Wawasan MPPG Johor Berhad
- xv. Maslee Wholesales (PG) Sdn. Bhd.
- xvi. Mewaholeo Industries Sdn. Bhd.
- xvii. Lam Soon Edible Oils Sdn. Bhd.

Dalam mengimarahkan lagi bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, MPPG bersama agensi swasta yang lain serta jawatankuasa surau dan masjid sekitar Pasir Gudang telah menganjurkan Program Bubur Lambuk Perdana bertempat di perkarangan Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.

Acara memasak bubur lambuk ini merupakan program tahunan setiap kali menjelang Ramadan yang dianjurkan di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Antara objektif program ini diadakan adalah bagi memberi galakan kepada masyarakat terutamanya golongan berkemampuan untuk berkongsi rezeki menyambut kedatangan bulan Ramadan Al-Mubarak disamping menggalakkan aktiviti menderma dan tolong-menolong sesama muslim.

Aktiviti memasak bubur lambuk bermula seawal jam 8.00 pagi. Sebanyak 30 buah periuk disediakan untuk 25 buah kumpulan yang mewakili Jawatankuasa Penduduk Zon (JKPZ), agensi dan NGO. Kumpulan Sukarelawan dari Mewaholeo Industries Sdn. Bhd. juga turut hadir bagi bersama-sama membantu peserta memasak bubur lambuk. Tuan Haji Abdul Halim bin Mohamad Dawan, Ahli Majlis Zon Nusa Damai selaku wakil rasmi Tuan YDP MPPG menyerahkan apron kepada wakil setiap kumpulan sebagai simbolik permulaan program. Hampir 10 ribu mangkuk diagihkan kepada penduduk Pasir Gudang.

Acara kemuncak diteruskan dengan penyampaian sijil dan bubur lambuk kepada agensi penyumbang oleh YB Dato' Seri Hj. Che Zakaria bin Mohd Salleh, ADUN Permas dan pemberian bubur lambuk kepada orang ramai di lokasi program.





Penerima sumbangan bergambar beramai-ramai bersama Tuan Pegawai Daerah dan Yang Dipertua selepas majlis sumbangan selesai

Majlis Serahan

SUMBANGAN RAMADAN

DARI PUSPANITA DAERAH JOHOR BAHRU

Seramai 20 orang golongan asnaf telah terpilih untuk menerima sumbangan Ramadan oleh Puspanita Daerah Johor Bahru. Sumbangan telah diberikan oleh Yang Amat Mulia Permaisuri Raja Zarith Sofea Almarhum Sultan Idris Shah berupa wang tunai RM100.00 setiap orang.

Majlis penyerahan sumbangan telah diadakan pada 22 Mei yang lalu bertempat di Dewan Besar Aras 3, Menara Aqabah. Tuan Hj. Ridha bin Dato' Hj. Abd Kadir bersama isteri telah hadir bagi menyampaikan sumbangan kepada penerima. Hadir sama dalam majlis ini, Yang Dipertua MPPG bersama isteri, Puan Hajah Siti Sofiah binti Arif yang juga merupakan Timbalan Pengerusi Puspanita Daerah Johor Bahru merangkap pengerusi Puspanita MPPG.

Seterusnya pemberian cenderahati kepada Tuan Pegawai Daerah Johor Bahru, telah disampaikan oleh Yang Dipertua. Majlis berakhir dengan sesi fotografi bersama semua penerima sumbangan.



Tuan Pegawai Daerah Johor Bahru menerima cenderahati daripada Yang Dipertua



Raya Fest 19

BERLANGSUNG MERIAH

RAYA FEST merupakan acara tahunan anjuran Pengurusan Kompleks Pusat Bandar & UTC Pasir Gudang, berlangsung selama sebulan bermula 4 Mei hingga 4 Jun 2019 yang bertempat di Atrium dan Aras 3, Kompleks Pusat Bandar & UTC Pasir Gudang.

Program yang berkonsepkan jualan pakaian dan kuih raya ini berjaya menarik lebih dari 10,000 pengunjung. Kebanyakan pengunjung yang terdiri daripada warga Pasir Gudang, Johor Bahru dan Singapura. Program ini juga telah mendapat liputan media tempatan radio Best FM.

Antara aktiviti-aktiviti menarik yang berlangsung sepanjang program persembahan artis tempatan, pertandingan menganyam ketupat, demonstrasi masakan juadah raya, persembahan badut, persembahan qasidah, persembahan ghazal, persembahan nasyid, *fashion show*, dan cabutan bertuah.



Pelbagai jenis persiapan raya ditawarkan sempena *Raya Fest 19* di Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang yang menjanjikan harga yang berpatutan.

Pemenang bertuah, Puan Siti Fatimah binti Mohammad Yusoff berkata, beliau tidak menyangka akan membawa pulang tempat hadiah pertama. "Saya sering membeli kelengkapan aidilfitri setiap tahun disini, namun tidak menyangka bertuah bagi tahun ini kerana memenangi hadiah cabutan," katanya lagi.

JUALAN PAKAIAN RAYA WANITA & LELAKI | PAKAIAN KANAK-KANAK | JUADAH BERBUKA PUASA
PERHIASAN RUMAH | AKSESORI PERAYAAN | KUIH RAYA | PAKAIAN HARIAN

PROGRAM MENARIK

EDARAN BUBUR LAMBUK ANYAM KETUPAT
DEMONSTRASI MASAKAN & MAKEUP
PERTANDINGAN KAD RAYA FASHION SHOW
PERTANDINGAN TAKBIR RAYA
PERSEMBAHAN SILAT
MIKROFON IMPIAN QASIDAH
NASYID
DAN BANYAK LAGI...

CABUTAN BERTUAH

BERPELUANG MEMENANGI HADIAH
KESELURUHAN BERNILAI SEHINGGA
RM10,000
BAGI SETIAP PEMBELIAN RM100
KE ATAS DI VENDOR RAYA FEST



Raya Fest

Kompleks Pusat Bandar & UTC Pasir Gudang
JOM BELANJA DARI 4 MEI HINGGA 4 JUN 2019

74 BOOTH PAKAIAN & KUIH RAYA | 126 JUALAN JUADAH BERBUKA PUASA

ANJURAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG (KOMPLEKS PUSAT BANDAR & UTC PASIR GUDANG)

Seperti tahun-tahun sebelumnya, tidak lengkap *Raya Fest* ini tanpa acara cabutan bertuah. Acara cabutan bertuah yang berlangsung pada 1 Jun 2019 itu menyaksikan pemenang tempat pertama berjaya membawa pulang sebuah Iphone XR 64gb yang bernilai RM4,000.00. Karnival ini dibuka setiap hari dari jam 10.00 pagi hingga 11.00 malam.



Para pengunjung mencari menu berbuka puasa di bazar Ramadan KPBPG

BAZAR RAMADAN

KOMPLEKS PUSAT BANDAR PASIR GUDANG (KPBPG) MENAWARKAN PELBAGAI PILIHAN MENU BERBUKA PUASA



Antara menu citarasa masakan Johor yang turut dijual di bazar Ramadan ini

Seperi tahun-tahun sebelum ini, Pengurusan Kompleks Pusat Bandar (KPBPG) & UTC Pasir Gudang masih meneruskan jualan tapak Bazar Ramadan kepada peniaga-peniaga juadah berbuka puasa sekitar Pasir Gudang.

Bazar Ramadan KPBPG kali ini mendapat sambutan yang sangat baik daripada kalangan peniaga-peniaga dan para pengunjung. Pelbagai juadah berbuka puasa ditawarkan kepada orang awam dan pengunjung kompleks. Antara menu yang menjadi pilihan untuk dijual pada tahun ini adalah nasi beriani, donut bomboloni, nasi ayam, ayam percik, air katira dan banyak lagi.

Bazar Ramadan KPBPG yang bertempat bersebelahan ini hampir memuatkan 126 lot makanan dan minuman dengan harga sewaan tapak yang minimum iaitu RM360 sahaja. Orang awam boleh mendapatkan pelbagai juadah berbuka puasa yang bermula jam 4.00 petang sehingga waktu berbuka.





MAJLIS KHATAM AL-QURAN MPPG SEMPENA RAMADAN 1440H



MPPG melalui Biro Agama Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) MPPG telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadan pada 23 Mei yang lalu bertempat di Masjid An-Nur Pasir Gudang.

Yang Dipertua, Setiausaha dan warga kerja MPPG telah memulakan majlis dengan bacaan surah-surah khatam Al-Quran. Majlis diteruskan lagi dengan tazkirah yang disampaikan oleh Yang Berbahagia Ustaz Mohd Shafie bin Abdul Rahman sehingga waktu berbuka puasa usai azan Maghrib.

Majlis diakhiri dengan solat Isyak, solat Tarawikh dan jamuan moreh bersama Yang Dipertua.

Hadir sama dalam majlis ini, Ahli-Ahli Majlis MPPG serta jemaah masjid.



Yang Dipertua turut serta dalam sesi bacaan surah pilihan Khatam Al-Quran yang diadakan

PROGRAM ZIARAH DAN SUMBANGAN RAMADAN 1440H



Pada 15 Mei 2019, Program Ziarah dan Sumbangan Ramadan 1440H telah dilaksanakan dengan jayanya bertempat di Kg. Pasir Putih, Pasir Gudang.

Program ini merupakan aktiviti tahunan sempena Ramadan yang dilaksanakan hampir 12 tahun di Kg. Pasir Putih dengan kerjasama NGO dan MPPG. Dihadiri oleh YB Dato' Haji Abu Bakar bin A. Rashid, YB Dato' Haji Mohd Rehat bin Ahmad, Encik Sulaiman Ismail, IR Syed Yasin Syed Mohd dan Pegawai-pegawai MPPG.

Penyerahan sumbangan disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mohammed Ridha bin Dato' Haji Abd. Kadir, pegawai Daerah Johor Bahru. Penerima adalah terdiri dari pelbagai kategori iaitu seperti OKU terlantar, OKU Fizikal dan pesakit Hydrocephalus. Sebanyak 6 keluarga terpilih dalam program ziarah kali ini yang terdiri dari 7 individu penerima. Program ziarah ini dilaksanakan dengan ke rumah-rumah penerima dan menyerahkan bantuan dalam bentuk kewangan dan barangan dapur.

Dato' Haji Abu Bakar bin A. Rashid selaku wakil kepada penganjur mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan sepanjang



YBhg. Dato' Hj. Mohammed Ridha bin Dato' Hj. Abd. Kadir bersama dalam sesi lawatan program ziarah dan sumbangan yang diadakan

pelaksanaan program ini seterusnya berharap program ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang bagi menghayati kehadiran Ramadan dan berkongsi rezeki dengan keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan. Selain itu beliau juga berharap dapat mengajak lebih banyak lagi syarikat atau NGO untuk bersama-sama menjayakan program ini.

MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA MEDIA JOHOR

MPPG dibawah Unit Korporat dan Perhubungan Awam (UKPA) telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa Bersama Media pada 13 Mei yang lalu, bertempat di Sangkar Kristal Pasir Pelangi, Johor Bahru.

Majlis yang disertai hampir 50 media tempatan ini turut diserikan dengan kehadiran Yang Dipertua, Tuan Hj. Zainor bin Adani. Majlis dimulakan dengan bacaan doa jamuan berbuka puasa, serta penyampaian biskut raya kepada para media yang hadir yang disampaikan oleh Yang Dipertua.

Selain menjamu selera, Tuan Hj. Zainor turut meluangkan masa beramah mesra dengan para media yang hadir dalam majlis ini.

Semoga program tahunan setiap kali Ramadan ini akan berterusan dan menjadi satu platform bagi mengeratkan lagi jalinan mesra MPPG bersama para media di Negeri Johor ini.





Jamuan Raya

KOMPLEKS PUSAT BANDAR PASIR GUDANG (KPBPG) & UTC PASIR GUDANG

YB. Dato' Che Zakaria bin Mohd Salleh hadir sama dalam Majlis Sambutan Syawal yang diadakan



Antara gerai makanan dan minuman yang menyajikan pelbagai juadah sempena sambutan Syawal pada kali ini



Pejabat Pengurusan Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang (KPBPG) bersama agensi-agensis UTC Pasir Gudang telah menganjurkan Jamuan Raya sempena sambutan Syawal 1440 Hijrah pada 26 Jun 2019 yang lalu bertempat di Ruang Legar UTC Pasir Gudang, Pusat Bandar.

Majlis telah diserikan lagi dengan kehadiran ADUN Permas, Yang Berhormat Dato' Che Zakaria bin Mohd Salleh. Hadir sama Tuan Yang Dipertua MPPG, Tuan Hj. Zainor bin Adani, pegawai-pegawai dari Agensi UTC serta pegawai-pegawai MPPG dan orang awam. Majlis meraikan bulan Syawal ini telah berlangsung dari jam 11.00 pagi hingga 5.30 petang dan disertai lebih 2000 pengunjung. Kira-kira 15 buah gerai makanan dan minuman yang menyajikan pelbagai juadah Aidilfitri, antaranya nasi beriani, laksa johor, ketupat bersama rendang, lemang dan pelbagai lagi disediakan kepada semua pengunjung yang hadir.

Semoga majlis yang memberi kebaikan kepada masyarakat seperti ini dapat diteruskan lagi pada tahun akan datang.

20 APRIL 2019

LAWATAN PENANDARASAN INOVASI OSOMS KUMPULAN INOVASI DAN KREATIF (KIK) UiTM CAWANGAN JOHOR, PASIR GUDANG



Kakitangan UiTM mendengar taklimat yang di sampaikan oleh En. Nik Masri selaku sekretariat Program Konvensyen KIK di MPPG

20 APRIL 2019

PROGRAM PEMBUATAN EM MUDBALL DI ZON SCIENTEX 1 SCIENTEX 2



Cara-cara pembuatan Em Mudball ditunjukkan kepada para peserta

9 MEI 2019

HARI MENGUNDI BAGI PELANTIKAN BARU JAWATANKUASA KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (KSK) MPPG SESI TAHUN 2019/2020



Warga kerja menjalankan proses membuang undi di aras 3, Menara Aqabah bagi sesi pemilihan calon jawatankuasa Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) MPPG sesi 2019/2020

PROGRAM SERAHAN BUBUR LAMBUK DI SIERRA PERDANA

11 MEI 2019



Tuan Setiausaha, En. Sulaiman bin Ismail menyampaikan bubur lambuk kepada orang awam



PROGRAM SERAHAN KURMA DI UTC PASIR GUDANG DAN KOMPLEKS PUSAT BANDAR PASIR GUDANG

13 MEI 2019



Penyampaian kurma kepada warga kerja di UTC Pasir Gudang disampaikan oleh Tuan Yang Dipertua, Tuan Hj Zainor bin Adani



PROGRAM SERAHAN BUBUR LAMBUK DI PLAZA TOL CAHAYA BARU

18 MEI 2019



Tuan Hj Zainor bin Adani menyampaikan sumbangan bubur lambuk kepada pengguna jalan raya di Plaza Tol Cahaya Baru



SESI FOTOGRAFI WARGA KERJA MPPG SEMPENA MENYAMBUT KEDATANGAN SYAWAL 1440H

18 MEI 2019



Antara Jabatan dan Unit di MPPG dalam sesi fotografi yang diadakan





WARNA WARNI Aidilfitri 1440H PASIR GUDANG

MAJLIS JAMUAN SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI
WARGA KERJA MPPG 2019



MAJLIS JAMUAN
SEMPENA



Ahli Majlis MPPG turut hadir dalam majlis sambutan hari raya yang diadakan



Pertandingan hiasan gerai tercantik juga dianjurkan bagi sambutan Syawal kali ini



MAJLIS JAMUAN
SEMPENA



Artis jemputan turut memeriahkan majlis sambutan warga kerja MPPG bagi tahun 2019 kali ini

Sambutan Syawal

ANJURAN BERSAMA
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA (JPPH),
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT (JPM) DAN YAYASAN PASIR GUDANG (YPG)



Sebahagian warga kerja jabatan bergambar bersama-sama



Jamuan Hari Raya

JKP ZON SCIENTEX 1 DAN KOMUNITI
JALAN NURI, TAMAN SCIENTEX



Pelbagai hidangan hari raya disediakan bagi menjamu tetamu yang hadir berkunjung



En Wan Hazan bin Amru, WHP parti MPRG juga selaku Pengerusi Zon Scientex bersama penduduk zon dalam majlis yang diadakan

LAWATAN KE TAMAN PERTANIAN NEGERI JOHOR


MPPG bersama Pejabat Daerah Johor Bahru, *Tourism Johor* dan Koperasi Persatuan Peniaga Kong-Kong telah mengadakan lawatan ke Taman Pertanian Negeri Johor pada 18 Jun yang lalu.

Antara objektif program lawatan diadakan adalah bagi mencari kawasan pelancongan menarik di Pasir Gudang untuk diwar-warkan sempena Tahun Melawat Johor 2020, mencari kawasan menarik untuk dilaksanakan bagi aktiviti "Discovery Johor 2020" serta mengenal pasti isu dan masalah pusat-pusat pelancongan di Pasir Gudang.

Lawatan bermula di Taman Pertanian Johor seterusnya bergerak ke kawasan pelancongan di Kong-Kong dengan melakukan aktiviti mencari lokan dan singgah ke perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Lawatan juga dibawa menaiki bot dan bersiar-siar sekitar kawasan pulau. Lawatan berakhir kira-kira jam 2.30 petang selepas sesi lawatan di Sarang Buaya Pasir Gudang dan jamuan tengahari di Restoran Rahmat Kampung Pasir Gudang.



Melihat aktiviti mencari lokan di kawasan sungai Lafoh.



Pengerusi KSK MPPG, En Sulaiman Ismail mempengerusikan mesyuarat yang diadakan.



Acara cabutan bertuah turut diadakan.

MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (KSK) MPPG KALI KE-27

Mesyuarat Agung KSK MPPG Kali ke-27 sesi 2018/2019 telah diadakan bagi membentangkan laporan aktiviti kelab sepanjang tahun 2018. Setiausaha MPPG, En. Sulaiman bin Ismail, selaku Pengerusi KSK MPPG telah mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Mesyuarat dimulakan dengan sesi pembentangan oleh setiap pengerusi biro antaranya Biro Kebajikan, Biro Pendidikan, Biro Wanita, Biro Agama dan Biro Sukan. Laporan kewangan tahunan kelab juga telah dibentangkan oleh akauntan KSK MPPG, En. Abdul Halim bin Nasruddin.

Mesyuarat seterusnya mengumumkan senarai ahli jawatankuasa yang telah dipilih berdasarkan sistem undi pada 9 Mei yang lalu. En. Syafiq Hanis bin Hamli telah diberi kepercayaan sekali lagi dengan majoriti pilihan undi bagi dilantik menjadi Naib Pengerusi bagi sesi 2019/2020. Selain itu, mesyuarat turut membincangkan cadangan-cadangan ahli yang diajukan ahli melalui borang cadangan yang telah diedarkan sebelum mesyuarat dijalankan.

Sesi mesyuarat berakhir dengan acara cabutan bertuah. Cabutan diadakan dengan lebih 30 hadiah-hadiah menarik disediakan untuk ahli yang hadir.



Pelajar-pelajar bergambar bersama selepas sesi lawatan tamat

MPPG telah menerima lawatan dari pelajar-pelajar Fakulti Pengurusan Teknologi Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia pada 2 Mei yang lalu. Delegasi seramai 33 pelajar ini bersama pensyarah pengiring, LAr. Dr. Kamalludin bin Bilal.

Objektif lawatan diadakan adalah bagi memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan berkaitan dengan rekabentuk landskap dan pengurusan pembangunan landskap di Pihak Berkuasa Tempatan. Para pelajar turut diberi taklimat oleh Ketua Bahagian Landskap, MPPG LAr. Pn. Zanariah binti Kadir mengenai perkembangan dan pengurusan landskap di bawah Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Sesi lawatan berakhir dengan pertukaran penyampaian cenderahati seterusnya sesi bergambar dan jamuan tengahari.

LAWATAN AKADEMIK BAGI SUBJEK REKABENTUK ASAS SENIBINA LANDSKAP, UTHM JOHOR



Penyampaian cenderahati disampaikan oleh LAr. Pn. Zanariah Binti Kadir, Ketua Bahagian Landskap, MPPG

BIRO PENDIDIKAN KELAB SUKAN & KEBAJIKAN (KSK) MPPG ANJUR "Bakul Kasih Ramadan"

Program yang telah memasuki tahun kedua ini merupakan satu program kebajikan anjuran KSK MPPG dibawah Biro Pendidikan. Bagi Ramadan kali ini, sejumlah RM4,200.00 berjaya dikumpulkan bagi pembelian 84 buah "Bakul Kasih Ramadan". Sumbangan diuruskan oleh Biro Pendidikan KSK MPPG dan diserahkan kepada Penolong Pegawai Kewangan MAIJ (Cawangan Pasir Gudang) Encik Idris Mas'od untuk edaran kepada golongan asnaf yang memerlukan di sekitar Pasir Gudang. Sumbangan disampaikan oleh Naib Pengerusi KSK MPPG Encik Syafig Hanis Hamli.

Biro Pendidikan KSK MPPG mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua warga kerja Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan Jabatan Imigresen UTC Pasir Gudang di atas sumbangan dan sokongan dalam menjayakan Program Sumbangan Amal "Bakul Kasih Ramadan". Semoga asbab sumbangan ini, kita semua mendapat keberkatan dari Allah S.W.T.



MPPG TERIMA LAWATAN EKSA MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI



Delegasi dibawa melawat zon-zon EKSA dalam bangunan Menara Aqabah



Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah menerima lawatan EKSA dari Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) pada 21 Mei yang lalu. Seramai 40 warga kerja MBIP telah menyertai sesi lawatan ini yang turut bersama Puan Salwa binti Abd Rashid, selaku Ketua Unit Korporat dan Perhubungan Awam MBIP.

Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat mengenai program EKSA yang dijalankan di MPPG bermula dari awal sehinggalah berjaya memperoleh Sijil Pengiktirafan dari Unit Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Seterunya selepas sesi soal jawab dan pertukaran penyampaian cenderahati, delegasi telah dibawa melawat ke beberapa zon EKSA di MPPG. Antaranya Zon Kromium (Perpustakaan Awam Pasir Gudang), Zon Teknetium (Bahagian Penyelenggaraan Aset), Zon Nobium (Bahagian Landskap), Zon Kadmium (Jabatan Khidmat Pengurusan), Zon Zink, (Bahagian Teknologi Maklumat) dan Zon Kuprum (Unit Korporat dan Perhubungan Awam).

Semoga lawatan yang dianjurkan ini, mampu memberi sedikit pengetahuan dan perkongsian kepada pihak Majlis Bandaraya Iskandar Puteri mengenai pendedahan dan program EKSA yang dijalankan.



Yang Dipertua MPPG menerima poster jurnal yang disampaikan oleh Profesor Dr. Abd Wahid Haron, pensyarah dari Fakulti Perubatan Veterinar UPM Malaysia

PENYAMPAIAN POSTER JURNAL PROJEK BERSAMA MPPG DAN UPM

Penyampaian poster jurnal ini telah diadakan pada 22 Mei yang lalu bertempat di aras 20, Menara Aqabah. Ia merupakan hasil kerjasama UPM dan MPPG melalui Unit Sarang Buaya, Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Penerbitan jurnal ini merupakan kajian bersama yang berprestij tinggi yang bertajuk *Aquaculture*, *Science Direct*, *Elsevier* dan ia mula diterbitkan didalam talian mulai Januari 2018. Yang Dipertua MPPG, Tuan Hj. Zainor bin Adani telah hadir bagi menerima penyerahan poster jurnal yang telah disampaikan oleh Profesor Dr. Abd. Wahid Haron selaku pensyarah Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM) yang turut bertindak sebagai ketua penyelidikan kajian di Sarang Buaya sebelum ini. Turut hadir dalam Majlis penyerahan poster ini ialah Ahli-Ahli Majlis MPPG, serta Ketua-Ketua Jabatan.

Diharapkan juga, program kajian seperti ini dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang sebagai satu cara berkongsi idea, menimba ilmu pengetahuan dan sebagai satu kerjasama antara dua pihak ini di masa akan datang.





15 MEI 2019



MAJLIS BERBUKA PUASA DAN SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI 2019 KERJASAMA SOUTHERN POWER GENERATION SDN. BHD.

Program ini merupakan program CSR daripada syarikat Southern Power Generation Sdn. Bhd. dengan kerjasama Yayasan Pasir Gudang meraikan bersama-sama masyarakat di Pasir Gudang yang menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri. Pihak SPG juga berkesempatan untuk berbuka puasa bersama-sama para penerima sumbangan dan jemaah masjid yang lain. Seramai 50 orang penerima telah menerima sumbangan tersebut. Antara objektif penganjurannya ialah meringankan beban masyarakat kurang berkemampuan bagi menyambut hari raya Aidilfitri.



16 MEI 2019

MAJLIS BERBUKA PUASA DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN AIDILFITRI YPG 2019

Merupakan program tahunan bagi meraikan bersama-sama masyarakat di Pasir Gudang yang menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri. Pihak YPG juga berkesempatan untuk berbuka puasa bersama-sama para penerima sumbangan.

Penyerahan sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Y.B. Cik Liow Cai Tung, Pengerusi Yayasan Pasir Gudang. Seramai 200 orang penerima telah menerima sumbangan tersebut.



21 MEI 2019

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN AIDILFITRI MASYARAKAT ORANG ASLI 2019



25 MEI 2019

MAJLIS BERBUKA PUASA DAN PENYERAHAN SUMBANGAN ASNAF BAZAR MEGA RAYA 2019

Program ini telah berlangsung di perkarangan Stadium Perbandaran Pasir Gudang yang merupakan program tahunan bagi meraikan bersama-sama masyarakat di Pasir Gudang yang menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri. Pihak YPG juga berkesempatan untuk berbuka puasa bersama-sama para penerima sumbangan. Seramai 50 orang penerima telah menerima sumbangan tersebut.



25 MEI 2019

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN PERAYAAN HARI GAWAI 2019

Penyampaian sumbangan telah diadakan di dewan Jalan Suria, Bandar Seri Alam bagi meraikan masyarakat Pasir Gudang yang menyambut Hari Gawai.

Penyerahan sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Encik Syed Othman bin Abdullah, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pasir Gudang. Seramai 200 orang penerima pelbagai bangsa telah menerima sumbangan tersebut.



Program ini juga merupakan program tahunan bagi meraikan masyarakat Orang Asli di Pasir Gudang yang menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri. Melibatkan 4 buah perkampungan Orang Asli iaitu Kg. Orang Asli Kg. Kuala Masai, Kg. Orang Asli Kg. Pasir Putih, Kg. Orang Asli Telok Kabung dan Kg. Orang Asli Kg. Pasir Salam.

Penyerahan sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Y.B. Tuan Hassan bin Abdul Karim, Ahli Parlimen Pasir Gudang. Seramai 67 buah keluarga Orang Asli telah menerima sumbangan tersebut. Semoga sumbangan yang diberikan dapat meringankan beban masyarakat kurang berkemampuan bagi menyambut hari perayaan Aidilfitri.



INFO TERKINI

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



Pertandingan Landskap Laman Indah 2019

HADIAH BAGI PEMENANG

JOHAN RM1000
NAIB JOHAN RM 700
TEMPAT KETIGA RM 500

KATEGORI

- * Rumah Kos Rendah / Sederna
- * Rumah Banglo / Kembar
- * Rumah Tradisional- Industri
- * Bangunan Kerajaan / Swasta
- * Institusi Pengajian Tinggi
- * Sekolah Kebangsaan / Mengengah
- * Masjid / Surau / Pusat Islam

TARIKH TUTUP: **28 OGOS 2019**

LATAR BELAKANG

Pertandingan ini diwujudkan seiring dengan aspirasi negara untuk menjadi Negara Taman Terindah selari dengan wawasan negara menjadi negara maju pada tahun 2020. Bagi menzahirkan komitmen terhadap hasrat tersebut Majlis Perbandaran Pasir Gudang sebagai sebuah bandar pelabuhan dan industri yang tersohor di negara mengambil inisiatif untuk membuka peluang kepada semua lapisan masyarakat termasuk agensi-agensinya kerajaan dan swasta melibatkan diri secara langsung di dalam pengindahan alam sekitar di kawasan di Pasir Gudang.

Penghasilan taman yang hebat dapat menyumbangkan kehidupan yang kondusif dan lestari kepada penghuninya. Marilah kita bersama-sama menghasilkan persekitaran indah, bersih dan ceria dan mampu meningkatkan nilai kualiti hidup yang sihat kepada kita dan masyarakat.

OBJEKTIF PERTANDINGAN

Memberikan peluang kepada semua lapisan masyarakat di Pasir Gudang termasuk agensi kerajaan dan swasta di dalam program pengindahan yang dilaksanakan diperingkat tempatan dan nasional.

Memupuk kesedaran dan minat kepada individu dan organisasi tentang pentingnya penjagaan alam sekitar.

Mengwujudkan rasa kecintaan kepada keindahan, keceriaan dan kebersihan di kawasan premis yang dihuni.

Menjadikan Pasir Gudang sebagai sebuah bandar pelabuhan dan industri yang kondusif dan lestari.

KRITERIA PENILAIAN

- Rekabentuk 25%
- Pemeliharaan dan Pemuliharaan Landskap / Alam Sekitar 20%
- Penyelenggaraan / Kebersihan 20%
- Idea dan Inisiatif 10%
- Keindahan Keseluruhan 10%
- Keberkesanan Terhadap Objektif 10%
- Nilai Estetika / Visual 5%



SALURAN ADUAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG


TELEFON
 07-254 7777


FAKS
 07-251 5260


EMEL
 mppg@johor.gov.my


SKUAD TINJAU
 013-377 1710

UNTUK BERITA DAN INFORMASI LAYARI



Majlis Perbandaran Pasir Gudang &
 Yang Dipertua MPPG